




RAWATAN... Zukilinsius sedang menerima rawatan ekoran kecederaan ligamen.

NST 30.1.2014 22



GIGIH... Iginitiuse Ganni gigih meneruskan larian.

UMS pecahkan rekod, harumkan nama Sabah

KOTA KINABALU: Rekod larian treadmill berkumpulan terjauh di Malaysia yang sebelum ini dipegang oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan dengan 120 jam larian telah dipecahkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin dengan catatan 144 jam.

Menurut penyelaras atlet dan rekod, Stephanie Chok, catatan rekod 144 jam yang dicapai itu hanya sasaran rekod minimum selama enam hari larian.

"Sasaran rekod sebenar kita adalah 264 jam dan para atlet kita akan cuba untuk menambah jumlah catatan tersebut seberapa lama yang mungkin meskipun ada antara atlet

kita mengalami kecederaan," katanya.

Tambah beliau, cabaran yang datang tidak hanya dirasai oleh para atlet malah krew program itu juga turut berdepan dengan pelbagai cabaran harian, namun kesemua mereka menunjukkan komitmen yang tinggi agar program tersebut berjalan lancar.


Menurut salah seorang atlet, Zukilinsius Lairi, kecederaan ligamen di bahagian lutut yang dialami tidak sesekali mematahkan semangat beliau untuk meneruskan larian tersebut.

"Kecederaan ini bukan halangan bagi saya tetapi ianya merupakan pembakar semangat untuk saya dan

rakan-rakan meneruskan perjuangan dalam catatan rekod ini," ujarnya.


Manakala seorang pelari Orang Kurang Upaya (OKU), Abner Moilie berkata; meskipun lemah melalui pelbagai cabaran, namun beliau tidak mahu menghamparkan hasrat pelbagai pihak terutamanya kedua ibu bapa beliau yang sentiasa memberikan sokongan.

UMS mengucapkan setinggi termasuk kasih kepada semua warga UMS dan orang awam yang terus memberikan sokongan kepada para atlet UMS untuk menempah nama dalam *Malaysia Book of Records*.



WANITA... Dora Suan, satu-satunya peserta wanita dalam program cabaran ini.


Larian yang melibatkan lapan atlet lelaki dan seorang wanita itu akan diteruskan sehingga 31 Januari ini (Jumaat).



TUNGGU GILIRAN... Peserta sedang menunggu giliran untuk meneruskan larian seterusnya.



ANTARA PESERTA... Kenson Rubanjar, salah seorang peserta yang turut membantu memecahkan rekod.



REKOD... Tepat 144 jam rekod dicipta.

Jaringan Jese bawa Real ke semi final Piala Copa

MADRID: Real Madrid mara ke separuh akhir Copa del Rey selepas kemenangan 1-0 ke atas Espanyol di Santiago Bernabeu awal pagi kelmarin untuk membolehkan mara dengan agregat 2-0.

Jese Rodriguez memperoleh gol tunggal dalam perlawanan pada minit kelapan dalam masa yang sama Madrid mencipta rekod kelab dengan tidak melepaskan gol untuk perlawanan kelapan berturut-turut.

Penjaga gol Espanyol, Kiko Casilla mampu mengekalkan keputusan apabila beberapa kali mengecewakan cubaan Cristiano Ronaldo beberapa kali.

Bagaimanapun, pasukan pelawat tidak mampu

mencari jalan menembusi gawang Real dan berakhir dengan 10 pemain apabila Victor Sanchez dibuang padang kerana mengutip kad kuning kedua.

Pengurus Real Carlo Ancelotti memuji permulaan persembahan pemain pertahanan 2014 pasukannya itu apabila memperoleh kemenangan kelapan pada Januari tanpa dibolosi satu gol.

"Saya rasa sistem ini berikan kami keyakinan. Kami ada keseimbangan pertahanan yang baik kerana seluruh pasukan berusaha untuk memperoleh pantas bola dan pemain pertahanan tengah bermain pada tahap tinggi." -AFP